

Satu pelan induk hala tuju pembangunan masyarakat itu dalam Bejet 2016, RMK-11 **Kerajaan terus bantu kaum India**

KUALA LUMPUR – Kerajaan akan meneruskan usaha membantu meningkatkan struktur, budaya dan ekonomi masyarakat India agar golongan itu tidak tercicir daripada arus pembangunan negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, komitmen kerajaan itu dapat dilihat dengan jelas melalui pelbagai inisiatif yang telah dilaksanakan khusus untuk kaum tersebut selama ini.

“Dalam Bajet 2016 dan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) akan datang juga kita telah menghasilkan satu pelan induk bagi hala tuju pembangu-

nan sosioekonomi kaum India,” katanya dalam perutusan sempena sambutan Hari Deepavali 2015 menerusi laman web rasminya semalam.

Dalam menyambut pesta cahaya, Najib berkata, ia membawa pengertian kejayaan cahaya mengatasi kegelapan dan kebaikan menumpaskan kezaliman.

Justeru, katanya, masyarakat diminta tidak lupa untuk menerangi kehidupan mereka di sekeliling yang memerlukan bantuan dan pertolongan.

“Gunakanlah kesempatan seperti ini untuk melipat-gandakan usaha kita demi memberi harapan yang lebih baik kepada

masyarakat sekitar,” katanya.

Beliau turut meluahkan keyakinan bahawa perayaan itu akan disambut dengan penuh semangat muhibah kerana ia dapat memupuk tali persaudaraan dan keharmonian lebih kukuh dalam kalangan semua kumpulan etnik di Malaysia.

“Saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan selamat menyambut Hari Deepavali atau ‘Deepavali Vaalthukal’ kepada semua rakyat Malaysia beragama Hindu dengan harapan cahaya sambutan ini akan menerangi kehidupan rakyat Malaysia untuk hidup dalam keadaan aman dan harmoni,” katanya.



NAJIB (dua kanan) memberi jaminan bahawa kerajaan akan terus membantu masyarakat India agar tidak tercicir daripada arus pembangunan negara.
– Gambar hiasan